



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO	
TARIKH	:	9/5/2021	MUKA SURAT : 26
JABATAN	:	TNB	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

TNB rai pengamal media dalam majlis berbuka puasa

Kuala Lumpur: Bagi meng-
hargai peranan dan sum-
bangan media, Tenaga Na-
sional Berhad (TNB) me-
raikan pengamal media da-
lam satu majlis berbuka
puasa di Ibu negara.

Pengerusi TNB Datuk Seri
Mahdzir Khalid berkata, hu-
bungan TNB dan media ti-
dak boleh dipisahkan dalam
apa jua keadaan sama ada
ketika ingin menyampaikan
berita baik mahupun me-
laporkan kejadian yang ti-
dak diinginkan.

Katanya, pihaknya meng-
hargai hubungan baik dan
peranan media sepanjang
perjalanan TNB memacu

pembangunan negara teru-
tama dalam menyampaikan
maklumat.

“Hubungan ini adalah sa-
tu ikatan yang perlu die-
ratkan dan dikekalkan ke-
rana menerusi laporan ra-
kain media, banyak isu ber-
kaitan bekalan elektrik yang
menjadi kebinhangan ra-
kyat dapat dijelaskan.

“Sebagai syarikat berkai-
tan kerajaan (GLC) yang
bertanggungjawab terha-

dap bekalan elektrik, TNB
menghadapi pelbagai caba-
ran demi menjamin kelan-
caran operasi selama 24 jam
untuk manfaat rakyat.

“Sepanjang setahun men-
jadi Pengerusi TNB, saya
menyaksikan keghiban
warga kerja bagi menjamin
kestabilan seluruh rantaian
pembekalan bermula dari-

pada penajaan hingga ke-
pada pelanggan di bandar-
pinggir bandar, luar bandar

dan pedalaman,” katanya.

Beliau berkata demikian
pada Majlis Iftar Pengurusan
Tertinggi TNB Bersama Pen-
garang Kanan Media yang
diadakan di Ibu Pejabat TNB
Jalan Bangsar, kelmarin.

Lebih 40 pengarang ka-
nan dan wartawan media
cetak dan elektronik dirai-
kan pada majlis itu.

Sementara itu, Presiden
dan Ketua Pegawai Ekse-
kutif TNB Datuk Ir Baharin



MAHDZIR (kanan) beramah mesra bersama Pengarang Kumpulan
Harian Metro, Husain Jahit (kiri) dan Ketua Pengarang Kumpulan
Berita Harian, Saidon Idris pada majlis iftar di Ibu Pejabat TNB
Jalan Bangsar, kelmarin.

Din berharap hubungan an-
tara TNB dan pengamal me-
dia dapat diperkukuhkan

berikutan terdapat pers-
maan operasi tanpa henti
kepada masyarakat.